

FOCUS EIMAS

BIL.1/2018



KURSUS 'COMMUNICATION SKILL'

Pusat Korporat & Komunikasi Strategik, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah berjaya menganjurkan Kursus 'Communication Skills' untuk Pegawai - Pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS). Kursus ini telah diadakan pada 20 - 23 Februari 2018 di Swiss-Garden Hotel & Residences, Kuala Lumpur. Kursus ini telah dihadiri seramai 25 orang peserta.

Objektif kursus in adalah bagi meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan pegawai JAS bagi menjayakan proses penyampaian dasar Jabatan kepada stakeholder dengan lebih berkesan.



KURSUS KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN SERTA KURSUS PERTOLONGAN CEMAS DI LAPANGAN



Pusat Bahan Berbahaya, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan Kursus Keselamatan & Kesihatan Pekerja serta Pertolongan Cemas di Lapangan. Peserta kursus terdiri daripada pegawai Jabatan Alam Sekitar pelbagai gred dari seluruh Malaysia.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pegawai Jabatan Alam Sekitar mengenai Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang merangkumi aspek keselamatan seperti punca-punca yang menyumbang kepada bahaya dan kemalangan, pemakaian pakaian yang sesuai semasa di lapangan dan juga teknik pertolongan cemas di tempat kerja dan lapangan oleh penceramah pakar dari Akademi Latihan Pertahanan Awam Malaysia (ALPHA).

Peserta kursus telah diberi pendedahan mengenai teknik dan kaedah penggunaan peralatan menyelamatkan mengikut kesesuaian keadaan mangsa yang ditimpa kemalangan atau kecemasan semasa sesi demonstrasi dijalankan di samping mempraktikkan semua teori pertolongan cemas yang telah dipelajari.

Kursus ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya. Peserta memberikan maklum balas positif dan mencadangkan supaya kursus diteruskan pada masa akan datang bagi memberi peluang kepada pegawai-pegawai JAS memperoleh manfaat pembelajaran dan meningkatkan kefahaman mengenai keselamatan di tempat kerja dan lapangan.

KURSUS KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN SERTA KURSUS PERTOLONGAN CEMAS DI LAPANGAN

Tarikh : 5 - 9 Februari 2018
Tempat : Institut Alam Sekitar Malaysia, EiMAS
Peserta : 30 orang (Pegawai JAS)



Teknik bantuan pernafasan kepada mangsa kecemasan



Penyampaian ceramah dari pihak Grenvell Sdn.Bhd.



Teknik balutan kepada mangsa yang cedera



Teknik mengangkat mangsa yang cedera



Latihan praktikal membantu membawa mangsa ke tempat yang selamat

KURSUS PENULISAN RASMI



Pada 27 - 30 Mac 2018, Pusat Korporat & Komunikasi Strategik telah mengadakan Kursus Penulisan Rasmi. Seramai 30 pegawai JAS terlibat dalam program ini yang diadakan di Bilik Melur, EiMAS.

Objektif kursus ini diadakan adalah bagi memantapkan kemahiran pegawai JAS dalam aspek penulisan teks ucapan dan pengacaraan majlis serta pelaporan program yang dilaksanakan oleh Jabatan.

LAPORAN RINGKAS KURSUS – KURSUS PENSIJILAN INDUSTRI EIMAS BAGI BULAN JANUARI – MAC 2018

Pusat Kompetensi dan Pensijilan Industri, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) diberi tanggungjawab untuk menguruskan kursus – kursus pensijilan industri yang melahirkan Orang Yang Berwibawa bagi memenuhi keperluan perundangan seperti yang telah digariskan di dalam Seksyen 49A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kursus – kursus pensijilan industri yang dianjurkan adalah seperti berikut:

- i. Course for Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CePSWaM);*
- ii. Course for Certified Environmental Professional in Bag Filters Operation (CePBFO);*
- iii. Course for Certified Environmental Professional in Scrubber Operation (CePSO);*
- iv. Course for Certified Environmental Professional in the Operation of Industrial Effluent Treatment Systems (Biological Processes) (CePIETSO-BP);*
- v. Course for Certified Environmental Professional in the Operation of Industrial Effluent Treatment Systems (Physical Chemical Processes) (CePIETSO-PCP);*
- vi. Course for Certified Environmental Professional in the Treatment of Palm Oil Mill Effluent (CePPOME);*
- vii. Course for Certified Environmental Professional in Sewage Treatment Plant Operation (CePSTPO) dan*
- viii. Course for Certified Environmental Professional in Leachate Treatment Plant Operation (CePLTPO);*


Beberapa Penyedia Latihan telah dilantik oleh EiMAS dan diberi tanggungjawab untuk menganjurkan kursus pensijilan iaitu:

Airwastewater Management Sdn. Bhd.;

- i. Master Jaya Greentech Sdn. Bhd.;**
- ii. Petronas Technical Training Sdn. Bhd.;**
- iii. Enviro Academy Sdn. Bhd.;**
- iv. Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya dan**
- v. Greenvell (M) Sdn. Bhd.**


LAPORAN RINGKAS KURSUS – KURSUS PENSIJILAN INDUSTRI EIMAS BAGI BULAN JANUARI – MAC 2018

Status kursus yang telah dilaksanakan sehingga 31 Mac 2018 adalah sebanyak 22% dari yang disasarkan untuk tahun 2018. Butiran pecahan mengikut jenis kursus kompetensi ditunjukkan dalam Rajah.



STATUS PELAKSANAAN KURSUS PENSIJILAN INDUSTRI 2018 1 Januari – 31 Mac 2018

LAPORAN RINGKAS KURSUS – KURSUS PENSIJILAN INDUSTRI EIMAS BAGI BULAN JANUARI – MAC 2018



DATA PENSIJILAN INDUSTRI – BILANGAN HADIR 1 Januari – 31 Mac 2018

Pusat Bahan Berbahaya, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan *Kursus Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Inspection (CePSWI)*. Peserta terdiri daripada pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari pelbagai gred.



Objektif kursus ini adalah untuk membangunkan kemahiran pegawai JAS sebagai penguatkuasa yang kompeten dalam menjalankan pemeriksaan secara komprehensif ke atas premis buangan terjadual.

Peserta kursus telah diberi pendedahan mengenai pengurusan buangan terjadual (BT) mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (PPKAS(BT)2005), keperluan pelesenan bagi premis dan kemudahan yang ditetapkan, pemeriksaan di lapangan, Konvensyen Basel, pengenalan kepada E-SWISS dan juga pengenalan kepada *Guided Self-Regulation (GSR)* oleh penceramah-penceramah dari JAS.

LAPORAN RINGKAS KURSUS *CERTIFIED* *ENVIRONMENTAL PROFESSIONAL* *IN SCHEDULED WASTE INSPECTION* (CePSWI)

Di samping itu, pengenalan kepada identifikasi dan klasifikasi BT, pengolahan dan pelupusan BT serta pengurangan penghasilan BT telah disampaikan oleh penceramah jemputan dari Greenvell (M) Sdn.Bhd.

Kursus ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya. Peserta memberikan maklum balas positif dan menunjukkan minat yang tinggi di sepanjang tempoh kursus berjalan. Kursus akan diteruskan bagi melahirkan pegawai-pegawai penguatkuasa yang mahir dan kompeten untuk menjalankan pemeriksaan ke atas premis dan kemudahan yang menghasilkan buangan terjadual.



**LAPORAN RINGKAS
KURSUS CERTIFIED
ENVIRONMENTAL PROFESSIONAL
IN SCHEDULED WASTE INSPECTION
(CePSWI)**

Tarikh: 5 - 9 Mac 2018

Tempat : Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)

Peserta: 35 orang (Pegawai JAS)



Penyampaian ceramah oleh pegawai Bhg. Bahan Berbahaya, Ibu Pejabat JAS



Penyampaian ceramah dari pihak Greenvell (M) Sdn.Bhd.



Peserta Kursus CePSWI Siri 1 pada 5-9 Mac 2018 di EiMAS



Penyampaian ceramah oleh pegawai Bhg. Penguatkuasa, Ibu Pejabat JAS



Majlis Penutupan Kursus oleh Pengarah EiMAS

**KURSUS PENERBITAN JABATAN
23 HINGGA 24 APRIL 2018
BILIK SEROJA, EIMAS**



Objektif kursus ini ialah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada pegawai JAS mengenai proses dan teknik penerbitan dari awal hingga akhir penerbitan terutamanya untuk penerbitan jabatan.

Tenaga Pengajar ialah Encik Fauzul Na'im Bin Ishak dan Puan Mazniza Binti Mohd Nor dari Fine Training Academy Sdn. Bhd. Disertai oleh 20 orang peserta yang mewakili JAS Pahang, JAS Cawangan Temerloh, JAS Perlis, JAS Sarawak, Bahagian Komunikasi Strategik Ibu Pejabat dan EIMAS.

Merangkumi 6 modul yang memenuhi 3 peringkat utama iaitu Pra Penerbitan, Penerbitan dan Pasca penerbitan.

Perincian Modul:

Modul 1 – Proses Penerbitan Bahan Cetakan

Modul 2 – Pengarang dan Undang-Undang: Kenali Hak Anda

Modul 3 – Anatomi Buku

Modul 4 – Memahami Tatabahasa Umum Penulisan

Modul 5 – Penandaan Teks Penulisan dan Pruf

Modul 6 – Mereka Bentuk Buku Menggunakan Microsoft Word dan Power Point

KURSUS PENERBITAN JABATAN 23 HINGGA 24 APRIL 2018 BILIK SEROJA, EIMAS




Peserta Kursus bersama Pengarah EIMAS



Contoh buku-buku yang telah diterbitkan



Tenaga Pengajar utama Tuan Fauzul Na'im



Tenaga Pengajar kedua Puan Mazniza

Encik Rosli Osman, selaku Pengarah EIMAS
merasmikan Kursus Penerbitan Jabatan



KURSUS CERTIFIED ENVIRONMENTAL PROFESSIONAL IN SCHEDULED WASTE INSPECTION (CePSWI) Siri 2

Tarikh: 23 – 27 April 2018

Tempat : Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)

Peserta: 27 orang (Pegawai JAS)

Pusat Bahan Berbahaya, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan sekali lagi *Kursus Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Inspection (CePSWI)* bagi siri kedua tahun ini. Peserta terdiri daripada pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari pelbagai gred.

Objektif kursus ini adalah untuk membangunkan kemahiran pegawai JAS sebagai penguatkuasa yang kompeten dalam menjalankan pemeriksaan secara komprehensif ke atas premis buangan terjadual.

Peserta kursus telah diberi pendedahan mengenai pengurusan buangan terjadual (BT) mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (PPKAS(BT)2005), keperluan pelesenan bagi premis dan kemudahan yang ditetapkan, pemeriksaan di lapangan, Konvensyen Basel, pengenalan kepada E-SWISS, pengenalan kepada *Guided Self-Regulation (GSR)* dan juga pengenalan kepada *Co-Processing* oleh penceramah-penceramah dari JAS. Di samping itu, pengenalan kepada identifikasi dan klasifikasi BT, pengolahan dan pelupusan BT serta pengurangan penghasilan BT telah disampaikan oleh penceramah jemputan dari Institut Teknologi Petroleum PETRONAS.

Kursus ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya. Peserta memberikan maklum balas positif dan menunjukkan minat yang tinggi di sepanjang tempoh kursus berjalan. Kursus akan diteruskan bagi melahirkan pegawai-pegawai penguatkuasa yang mahir dan kompeten untuk menjalankan pemeriksaan ke atas premis dan kemudahan yang menghasilkan buangan terjadual.



Penyampaian Sijil Kehadiran di Majlis Penutup Kursus oleh Pengarah EiMAS

Peserta Kursus bersama En. Rosli Osman, Pengarah EIMAS

Peserta kursus sedang menduduki peperiksaan akhir



Penyampaian ceramah oleh pegawai Bhg. Bahan Berbahaya, Ibu Pejabat JAS



Penyampaian ceramah oleh pegawai Bhg. Penguatkuasa, Ibu Pejabat JAS



Penyampaian ceramah dari pihak Institut Teknologi Petroleum PETRONAS (INSTEP)



Penyampaian ceramah oleh pegawai EIMAS



KURSUS PROTOKOL & ETJKET SOSJAL

Kursus Protokol dan Etiket Sosial telah diadakan pada 2 - 5 Mei 2018 di Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur. Seramai 24 pegawai JAS telah hadir dalam program ini. Kursus ini diadakan bagi memberi kefahaman Kepada peserta kursus mengenai amalan protokol di dalam pengurusan dan pengendalian Majlis Rasmi Kerajaan. Kursus ini juga menerapkan nilai - nilai sosial dalam pengendalian etika peribadi seseorang dalam kehidupan seharian khususnya sebagai penjawat kerajaan.



Penasihat/Ketua Penyunting:
Encik Rosli Osman (Pengarah EiMAS)

Reka bentuk & Penyelaras:
Unit Perpustakaan EiMAS

Penyumbang Artikel:

- ❖ Pusat Kawalan Pencemaran Air
- ❖ Pusat Kawalan & Pengawasan Udara
- ❖ Pusat Perundangan & Penguatkuasaan
- ❖ Pusat Penilaian
- ❖ Pusat Bahan Berbahaya
- ❖ Pusat Perhubungan Korporat & Komunikasi Strategik
- ❖ Pusat Kompetensi & Pensijilan Industri
- ❖ Unit Perpustakaan



**Environment Institute of Malaysia (EiMAS)
Department of Environment
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.**

GPS: [2.925351, 101.788222]

Tel: 03-8926 1500 / 03-89262005 / 03-89261368 / 03-89250873 / 03-89261369

Faks: 03-8926 1700